

## PRAKATA



### **YABrs TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN MOHAMAD**

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pasir Mas

Saya sangat berbesar hati kerana diberi peluang untuk menyampaikan mesej mewakili Majlis Daerah Pasir Mas di dalam laporan pelan induk landskap MDPM 2012 - 2022 ini. Terlebih dahulu saya ingin memanjangkan ucapan penghargaan kepada Jabatan Landskap Negara iaitu agensi Landskap Negara Malaysia di atas usaha mereka merangka pelan induk landskap untuk Majlis Daerah Pasir Mas. Pelan induk landskap ini seterusnya akan menjadi panduan dan tunjuk arah MDPM untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Laporan pelan induk landskap ini telah mengenalpasti beberapa tempat yang akan dibangunkan dan ianya bersandarkan kepada keperluan masyarakat di daerah Pasir Mas. Dalam pelan induk landskap ini, lima kawasan dikenalpasti menjadi keutamaan yang telah pun direka bentuk dan menunggu lukisan binaan dan perlaksanaannya akan dimulakan bagi memenuhi kehendak masyarakat daerah Pasir Mas. Apabila kelima-lima projek ini dilaksanakan nanti, ianya akan membawa perubahan nyata kepada bandar Pasir Mas. Cadangan pembangunan yang baru ialah pembangunan Pasir Mas Riverfront, pembangunan Bandar Baru Pasir Mas, pembangunan Persempadanan Rantau Panjang dan Pembangunan Danau To' Uban. Arkitek Landskap telah mencadangkan 'Bandar Warisan Ilmu' sebagai tema untuk menyerikan lagi wajah bandar Pasir Mas. Cadangan untuk mencari penyelesaian kesesakan Lalulintas, kekurangan tempat meletakkan kenderaan, kekurangan kawasan terbuka pinggir bandar juga ada dimasukkan di dalam pakej pelan induk landskap. Apabila cadangan pembangunan ini dilaksanakan nanti, maka bandar Pasir Mas akan menjadi bandar hijau, berwajah baru, megah dengan persekitaran pinggiran Bandar dan pinggiran sungai dengan wajah baru. Projek ini dilaksanakan adalah untuk memenuhi kehendak masyarakat dan diharap ianya akan membuahkan hasil.

Kajian selama 18 bulan bermula pada tahun 2010 dengan kerjasama pakar landskap dari Jabatan Landskap Negara, arkitek landskap yang dilantik juga dibantu oleh beberapa perunding. Semua kos tersebut telah dibiayai sepenuhnya oleh Jabatan Landskap Negara. Mereka menjalankan kerja bersama-sama dalam satu pasukan yang terdiri daripada beberapa agensi kerajaan di mana semua wakil-wakil ini adalah dikalangan yang bertauliah dan sangat aktif menyumbang terhadap tiap-tiap peringkat kajian di dalam usaha meneliti, menyemak setiap maklumat dan juga data survei dari perunding dan seterusnya dimuatkan di dalam laporan pelan induk landskap. Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua agensi kerajaan yang terlibat. Untuk mencapai sasaran dan kehendak di dalam cadangan pelan induk landskap ini, adalah penting bagi MDPM dan juga agensi kerajaan yang berkaitan supaya meneruskan kerjasama di dalam melaksanakan bidang tugas masing-masing dengan sumber yang sedia ada untuk menentukan rangka tindakan (*Blue Print*) yang telah dikenalpasti di dalam pelan induk landskap dapat dicapai. Akhir sekali, sama-samalah kita berharap agar dapat menikmati persekitaran dan kehidupan yang selesa di bandar Pasir Mas. Sekian terima kasih.



### **TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN MOHAMAD**

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pasir Mas